

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 28 Oktober 2015 14:47
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: PENERIMA ANUGERAH AKADEMIK NEGARA 2014 BERKONGSI PENGETAHUAN
DAN AMALAN TERBAIK DALAM P&P



**Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti**

UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia

28 OKTOBER 2015 / 15 MUHARRAM 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PENERIMA ANUGERAH AKADEMIK NEGARA 2014 BERKONGSI PENGETAHUAN DAN AMALAN TERBAIK DALAM P&P



Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) telah mengadakan suatu program Wacana Perkongsian Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran 2015 (Siri I) bagi memperkasakan pemimpin akademik dalam bidang pengajaran di kalangan warga UUM. Wacana ini telah diadakan di EDC, UUM, pada 20 Oktober 2015 dan telah dihadiri seramai 54 staf akademik.

Objektif utama wacana ini adalah untuk menyediakan satu platform perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bidang masing-masing dan meningkatkan motivasi para akademik dalam melaksanakan P&P dengan lebih berkesan.

Wacana ini telah dimulai dengan ucap-tama oleh penerima Anugerah Akademik Negara 2014 iaitu Prof. Madya Fatimah binti Puteh dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk sesi pagi dan Prof. Madya Dr. Raja Nor Safinas binti Raja Harun dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi sesi petang. Selain itu juga UTLC telah menjemput wakil kumpulan penyelidik geran SoTL 2013 iaitu Prof. Dr. Nena P Valdez, Prof. Dr. Raja Maznah binti Raji Hussain, Prof. Madya Dr. Mohamad Yazam Bin Sharif, Prof. Madya Dr. Fauziah binti Abdul Rahim, Dr. Norliza Binti Katuk, Dr. Zakiah Binti Zain dan Dr. Amrita Kaur untuk membentangkan hasil penyelidikan kumpulan masing-masing.



DARIPADA:
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4696
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my



*Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary).*